



TANDATANGANI ... Sukarti (duduk, dua, kanan) bersama Sato (kanan) dan Pemangku Pengarah Natural Product Chemistry dan Biotechnology Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr. Charles Santharaju Vairappam (dua, kiri) ketika menandatangani memorandum persefahaman projek pembangunan pemuliharaan kepelbagaian Bio dan Ekosistem bersepadu antara kerajaan pusat, kerajaan negeri dan JICA kelmarin.



TUKAR DOKUMEN... Sukarti (tengah) bersama Sato (kanan) dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dr. Shahril Yusof (kiri) bertukar-tukar dokumen perjanjian.

MTPC, JICA masuk fasa kedua kerjasama pemuliharaan ekosistem, biodiversiti di Sabah

NST 15.6.13 5

KOTA KINABALU: Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) memasuki fasa kedua kerjasama dalam Pembangunan Mampan mengenai Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti Borneo di Sabah di bawah Program Latihan Negara Ketiga (TCTP).

Pengarah pejabat wilayah Hal Ehwal Luar Sabah Mahruzahrin Maskan berkata fasa kedua kerjasama itu ialah untuk menambah baik kapasiti dan penyebaran maklumat dalam pemuliharaan biodiversiti yang sebelum ini dijalankan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi dan Jica, yang berakhir tahun lepas.

"Kini, MTCP di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar (negeri) telah bersetuju untuk meneruskan kerjasama TCTP dengan JICA dalam fasa kedua kerjasama dari 2013 hingga 2017.

"Dalam fasa baharu ini, kursus latihan dirancang untuk membolehkan perkongsian dalam Program Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti Borneo (BBEC) dengan pihak lain di dunia seperti Asean, Kepulauan Pasifik, negara-negara Asia Selatan dan Afrika," katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara JICA, kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Sabah di sini kelmarin.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah Tan Sri Sukarti Wakiman. Hadir sama Ketua Wakil pejabat JICA Malaysia Kunihiko Sato.

Mahruzahrin juga berkata University Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (ITBC) di bawahnya telah ditugaskan untuk melaksanakan Kursus Latihan Bersepadu Biodiversiti dan Pengurusan Ekosistem.